

Nelayan Kuala Sanglang terjejas

Orang ramai didakwa keliru antara Kuala Sanglang, Kedah dan Kuala Sanglang, Perlis

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

SANGLANG

Hampir 300 nelayan dan peniaga di Kuala Sanglang, Kedah terjejas dipercayai akibat orang ramai tersalah faham mengenai lokasi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran yang dilaksanakan bermula 8 Ogos lalu.

Mereka mendakwa, ramai yang keliru antara Kuala Sanglang di Perlis dan Kuala Sanglang di negeri ini.

Sebelum ini, kerajaan Perlis melaksanakan PKPD Pentadbiran selama 28 hari bermula 8 Ogos lalu membabitkan dua buah kampung di Perlis iaitu Kampung Kuala Sanglang dan



Abd Razak menunjukkan hasil tangkapan yang tidak terjual di pelantar ikan di sini semalam. Gambar kecil: Mohd Zuker

Kampung Tanah Timbul akibat penularan koronavirus (Covid-19) Kluster Sivagangga.

Ketua Super Nelayan Kuala Sanglang, Mohd Zuker Ramli, 49, berkata, nelayan kini berhadapan dengan lambakan ikan apabila peraih dan pemborong tidak lagi mengambil hasil tangkapan mereka menyebabkan harga ikan kembung jatuh sehingga RM2 sekilogram ber-

banding RM7 sekilogram sebelum ini.

“Kadang-kadang kalau tak habis, kami terpaksa bawa jual ke pasar borong di Alor Setar atau buat kering untuk makan sendiri.

“Pendapatan kami menurun secara drastik sehingga terpaksa mencari kerja sampingan lain untuk menampung belanja rumah,” katanya ketika ditemui di

sini semalam.

Seorang nelayan, Abd Razak Ahmad, 53, berkata, tiada siapa yang datang membeli ikan akibat kekeliruan tersebut.

“Ketika pulang pagi tadi (semalam) saya menunggu setiketika di pelantar ikan tetapi tiada pelanggan yang datang dan saya pulang ke rumah. Apabila datang semula ke sini pada jam 10 pagi, ikan saya masih ada. Jika sampai petang tidak habis, ikan terpaksa dikeringkan atau buat baja,” katanya.

Bagi pengusaha Restoran Seri Tanjung, Roaini Don, 48, perniagaannya turut terjejas kerana pelanggan bimbang untuk berkunjung ke restorannya sejak pengumuman PKPD Pentadbiran diumumkan.

“Mungkin pelanggan keliru antara Kuala Sanglang Kedah dan Kuala Sanglang Perlis.

Kami berada di sebelah Kedah dan tiada pesakit Covid-19 dalam kawasan kami bahkan kami tidak terletak dalam kawasan PKPD Pentadbiran.

“Situasi ini sudah berlarutan hampir tiga minggu dan saya terpaksa tutup kedai untuk

mengelakkan kerugian yang lebih besar

“Insya-ALLAH awal bulan depan restoran saya akan beroperasi semula.

“Saya harap orang ramai tidak bimbang untuk datang ke sini kerana kami mematuhi SOP (prosedur operasi standard) yang ditetapkan kerajaan,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh, Dr Salmee Said berharap orang ramai terutamanya di luar kawasan tersebut tidak menganggap Kuala Sanglang, Kedah sebagai kawasan berbahaya berikutan ia tidak merekodkan sebarang kes positif Covid-19 malah individu yang perlu membuat saringan sebelum ini sudah tamat tempoh kuarantin dan keputusannya semua negatif.

“Kasihan nelayan di sini kerana peraih tidak membeli tangkapan mereka. Pengusaha restoran makanan laut dan ikan kering turut terjejas, mereka sangat tertekan kerana kehilangan punca pendapatan ketika ini,” katanya.